

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD  
HARUN NARRASHID  
[ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH : 2 April 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [ Kota Tinggi ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah formula penyelesaian yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam menjelaskan isu-isu yang membabitkan sistem kehakiman negara yang ada kalanya dipertikaikan oleh negara luar seperti Amerika Syarikat, Australia dan sebagainya.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Badan Kehakiman adalah sebuah badan yang berfungsi untuk mentadbir dan melaksanakan keadilan di negara ini. Ia adalah suatu badan yang menjalankan kuasa kehakiman dan bebas daripada pengaruh Badan Eksekutif (pemerintah) mahupun Perundangan kerana fungsinya yang bertindak sebagai suatu mekanisma utama dalam penyelesaian apa-apa pertikaian dan melaksanakan keadilan di negara ini. Fungsi-fungsi yang dijalankan adalah fungsi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

2. Prinsip kebebasan Badan Kehakiman ini memberikan suatu kedudukan khas kepada Hakim-Hakim di mana ia haruslah dilihat sebagai suatu badan yang menjalankan fungsinya untuk memutuskan kes berdasarkan merit dan bebas tanpa pengaruh mana-mana pihak. Kerajaan sentiasa memastikan kebebasan kehakiman di Malaysia dan tidak pernah campur tangan dalam proses perundangan.

3. Beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan telah digubal bagi melindungi dan menjamin kebebasan kehakiman di samping memartabatkan kedudukan Hakim-Hakim di Malaysia. Antaranya adalah Perkara 125(3) berkenaan tatacara pemecatan Hakim, Perkara 125(7) berkenaan saraan Hakim, Perkara 127 berkenaan sekatan mengenai perbincangan di dalam Parlimen tentang kelakuan

Hakim dan Perkara 126 berkenaan kuasa menghukum kerana penghinaan. Di samping itu juga, satu Kod Etika Hakim telah digubal pada tahun 2009 bertujuan untuk menetapkan standard asas untuk mengawal tatakelakuan semua hakim dan menjadi bimbingan kepada hakim dalam membentuk dan memelihara budi pekerti dan tatakelakuan kehakiman yang tinggi.

4. Fungsi Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) dalam pemilihan seseorang Hakim juga turut membantu dalam pelantikan Hakim-Hakim yang berkaliber dan bebas daripada apa-apa pengaruh. Terdapat kriteria-kriteria tertentu yang digariskan dalam pemilihan Hakim-Hakim. Kriteria pemilihan seseorang Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695] ialah integriti, kompetensi dan pengalaman, objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik.

5. Perkara-perkara ini sering dimaklum dan ditekankan dalam perjumpaan dengan masyarakat antarabangsa. Penerangan mengenai perkara ini tidak hanya dimainkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang mewakili negara di serata dunia, tetapi juga boleh dimainkan oleh Ahli-Ahli Parlimen.

6. Sebagai contoh, delegasi Malaysia yang terdiri daripada Ahli-Ahli Parlimen ke mana-mana persidangan membabitkan Parlimen Malaysia di luar Negara, juga boleh menerangkan perkara ini dalam sesi perbincangan atau forum terbuka secara rasmi. Peranan ini juga boleh

dilaksanakan dalam apa jua acara atau kesempatan apabila Yang Berhormat mempunyai peluang untuk berinteraksi dengan rakan sejawat Ahli Parlimen dari negara-negara luar, termasuk dalam acara-acara sosial tidak rasmi.

Sekian, terima kasih.